

**Formative Evaluation Of An Arabic Vocabulary Learning Courseware For Primary School (i-KoBA)**

**Penilaian Formatif Perisian Kursus Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Bagi Murid Sekolah Rendah (i-KoBA)**

Norhayati Che Hat<sup>i</sup>, Muhammad Azhar Zailaini<sup>ii</sup>, Zaharah Hussin<sup>iii</sup>, Siti Salwa Mohd Noor<sup>iv</sup> & Norasyikin Osman<sup>v</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah, Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). norhayatich@unisza.edu.my  
<sup>ii</sup> Profesor Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. azhar@um.edu.my  
<sup>iii</sup> Profesor Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. zaharah@um.edu.my  
<sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). salwamnoor@unisza.edu.my  
<sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). norasyikinoman@unisza.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The utilization of multimedia technology in the development of interactive courseware is a necessity nowadays especially in teaching and learning in the era of the Covid 19 pandemic. Accordingly, this study aims to evaluate the Arabic vocabulary learning courseware (i-KoBA) developed for elementary school students. The study involved 9 evaluators from three categories, namely Arabic language experts, education technology experts and also module construction experts. The instrument used is a questionnaire that contains 45 items that cover aspects of language and content, design, multimedia and learning theory. The data obtained were analyzed using SPSS software (Statistical Package for the Social Sciences). The collected data were analyzed descriptively. Findings show that language and content, design, multimedia and learning theory in Arabic vocabulary learning courseware (i-KoBA) according to expert evaluation is at a high level that is the mean score of each construct between 4.24-4.72 is at the level of mean interpretation high (4.01-5.00). These findings explain that the prototype of the i-KoBA courseware developed received a high level of approval from the expert panel. It is hoped that this study will produce interactive multimedia courseware that can help students improve their understanding and memory of the Arabic vocabulary learned.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Assessment, Courseware, Learning, Arabic, Vocabulary.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Pemanfaatan teknologi multimedia dalam pembangunan perisian kursus atau koswer yang interaktif merupakan satu keperluan pada masa kini terutama dalam pengajaran dan pembelajaran di era pandemik Covid 19. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai perisian kursus pembelajaran kosa kata Bahasa Arab (i-KoBA) yang dibangunkan untuk murid sekolah rendah. Kajian ini melibatkan 9 orang penilai yang terdiri daripada tiga kategori, iaitu pakar Bahasa Arab, pakar teknologi Pendidikan dan juga pakar pembinaan modul. Instrumen yang dijalankan adalah menggunakan borang selidik yang terdiri daripada 45 item yang meliputi aspek bahasa dan kandungan, reka bentuk, multimedia dan teori pembelajaran. Data yang</i></p>

*diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS (Stastical Package for the Social Sciences). Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bahasa dan kandungan, reka bentuk, multimedia dan teori pembelajaran dalam perisian kursus pembelajaran kosa kata Bahasa Arab (i-KoBA) mengikut penilaian pakar adalah berada pada tahap tinggi iaitu skor min setiap konstruk antara 4.24-4.72 berada pada tahap interpretasi min tinggi (4.01-5.00). Dapatan ini menjelaskan bahawa prototaip perisian kursus i-KoBA yang dibangunkan mendapat tahap persetujuan yang tinggi daripada panel pakar. Diharap kajian ini akan menghasilkan perisian kursus multimedia interaktif yang dapat membantu murid meningkatkan pemahaman dan ingatan terhadap kosa kata Bahasa Arab yang dipelajari.*

*Kata kunci: Penilaian, Perisian Kursus, Pembelajaran, Bahasa Arab, Kosa Kata.*

## **PENDAHULUAN**

Perisian kursus (*courseware*) yang menerapkan pelbagai elemen multimedia seperti teks, grafik, audio, video dan animasi merupakan salah satu kaedah yang sedang digunakan secara meluas pada masa ini tidak kira sama ada pendidikan di peringkat rendah, menengah mahupun tinggi (Kamal et al. 2018).

Pembelajaran bahasa Arab tidak ketinggalan dalam hal ini menerusi beberapa usaha dan kajian yang dilakukan, selaras dengan kemudahan teknologi multimedia yang lebih efektif dan berkesan. Penggunaan elemen multimedia dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab mampu menarik minat pelajar dan memotivasikan mereka untuk belajar dan sekaligus dapat membantu proses PdP yang berkesan (Mohd Fadzli et al., 2020; Miftakhul Falah, 2018; Noor Khairunnisa, 2017; Sharifah Fatimah, 2013; Norhayati et al., 2013; Mohd Firdaus et al., 2013).

Sehubungan dengan itu, sebuah perisian kursus pembelajaran kosa kata bahasa Arab (i-KoBA) telah dibangunkan ini, bagi memenuhi keperluan pelajar agar pembelajaran lebih berkesan. Perisian kursus i-KoBA merupakan media pembelajaran yang berbantuan komputer yang mengandungi isi kandungan pelajaran, arahan pembelajaran, aktiviti pembelajaran dan latihan bagi mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu pelajaran.

Perisian kursus ini dijadikan sebagai bahan alternatif yang bertujuan membantu murid dalam menghimpunkan sejumlah besar perbendaharaan kata yang dipelajari dengan bantuan persembahan elemen multimedia. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membantu murid dalam memahami maksud kosa kata yang dipelajari menerusi latihan yang disediakan serta mengingat kosa kata yang telah dipelajari melalui prinsip ulangan.

## **Latar Belakang Kajian**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyasarkan agar setiap murid dari peringkat rendah hingga menengah dapat menguasai bahasa tambahan selain bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris menjelang 2025 (KPM, 2013). Bagi mencapai matlamat tersebut, usaha gigih telah dipergiatkan di semua peringkat pendidikan bahasa Arab.

Namun begitu, sering kali dibincangkan dalam kalangan mereka yang terlibat dengan pendidikan bahasa Arab bahawa tahap pencapaian dan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab masih lagi berada pada tahap kurang memuaskan sama ada di peringkat rendah (Kamarulzaman & Saiful Nizam, 2019; Zulkifli et al., 2016; Misnan et al., 2013; Ismail et al., 2013; Wan Maiziatul Akmar, 2011), peringkat menengah (Rosni, 2009) malah juga di peringkat universiti (Ku Fatahiyah et al., 2017; Mat Taib, 2006; Norhayuza, Naimah, Sahabudin, & Ibrahim, 2004; Sahabudin, 2003).

Berdasarkan sorotan kajian lepas, antara faktor terbesar yang menyumbang kepada masalah ketidak mampuan penutur bukan jati menguasai bahasa Arab adalah berkait rapat dengan penguasaan mereka dalam kosa kata (Azlia Cahyani & Hakim, 2020; Abdul Razif et al., 2016; Zainur Rijal et al., 2015; Abdul Razif, 2015; Nik Mohd Rahimi,

Zahriah & Wan Normeza, 2014; Harun, 2014; Rosni, 2013; Hasnurol, 2010; Rahim, 2009; Muhammad Rozman, 2003; Saifuddin, 2002).

Pelbagai langkah telah diambil oleh pihak tertentu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab bagi mengatasi masalah kelemahan penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Begitu juga dengan para penyelidik yang semakin giat membuat kajian bagi mengenal pasti faktor kelemahan pelajar dan cara mengatasinya. Masalah penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati telah lama wujud sejak dahulu lagi sehingga kini. Kelemahan tersebut berlaku di semua peringkat sama ada peringkat sekolah mahu pun peringkat pengajian tinggi.

Kelemahan ini telah memberi kesan negatif kepada pelajar dalam usaha menguasai bahasa Arab, baik dalam kemahiran berbahasa mahupun dalam pencapaian peperiksaan. Berdasarkan sorotan kajian yang telah dijalankan, antara masalah yang sering dihadapi oleh pelajar dalam proses menguasai kosa kata adalah masalah dari sudut saiz perbendaharaan kata yang terhad (Azlia Cahyani & Hakim, 2020; Zainur Rijal et al., 2020; Zainur Rijal & Rosni, 2018; Abdul Razif & Mohd Zaki, 2017; Siti Aisyah & Zamri, 2016; Abdul Razif, 2015; Harun dan Zawawi, 2014), tidak memahami makna perkataan (Abdul Halim & Che Radiah, 2007; Rozman 2003) dan pemilihan perkataan yang tidak tepat (Che Radiah & Norhayuza, 2011).

Sebagaimana yang kita maklum, untuk menghafal sejumlah besar kosa kata bagi bahasa asing bukan satu perkara yang mudah. Ia perlu kepada pendedahan dan latihan yang berulang. Penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar bukan hanya sekadar melihat kuantiti kosa kata yang mampu diingat, malah mengambil kira kualiti penguasaan dari sudut memahami maksud kosa kata tersebut, tahu penggunaannya. Berdasarkan sorotan kajian yang dibuat oleh para sarjana sebelum ini, pelajar didapati menghadapi kesukaran dalam mempelajari, memahami makna perkataan-perkataan baharu, mengingat serta memanggil kembali perkataan tersebut dalam stor ingatan mereka.

Proses memberi kefahaman kepada murid tentang suatu pembentukan bahasa asing yang hakikatnya di luar persekitaran kehidupan mereka bukanlah satu proses yang mudah. Sesetengah murid mengambil masa yang agak lama untuk memahami setiap isi pelajaran berkaitan kosa kata bahasa Arab. Ini ditambah lagi dengan peruntukan masa mempelajari bahasa Arab yang agak terhad di sekolah turut mempengaruhi proses penguasaan murid terhadap kosa kata yang dipelajari. Melihat kepada kekangan yang ada, sebuah perisian kursus pembelajaran kosa kata telah dibangunkan bagi membantu murid dalam memahami dengan jelas makna dan penggunaan kosa kata yang dipelajari.

Perisian kursus pembelajaran kosa kata bahasa Arab (i-KoBA) yang dibangunkan ini merupakan bahan alternatif yang bertujuan membantu murid dalam menghimpunkan sejumlah besar perbendaharaan kata yang dipelajari dengan bantuan persembahan elemen multimedia. Selain itu, perisian kursus juga bertujuan untuk membantu murid dalam memahami maksud kosa kata yang dipelajari menerusi latihan tubi yang disediakan serta mengingat kosa kata yang telah dipelajari melalui prinsip ulangan.

Matlamat pembangunan perisian ini adalah membekalkan kepada pelajar satu kuantiti perbendaharaan kata yang luas yang dijelaskan maknanya melalui pelbagai kaedah sama ada dengan memuatkannya dalam ayat atau melalui video, menggunakan elemen multimedia seperti gambar dan teks. Penggunaan elemen multimedia dalam pembelajaran mampu menarik minat kanak-kanak dan memotivasikan mereka untuk belajar dan seterusnya memberi kesan yang optimum dalam PdP (Abd Rashid et al. 2012; Aminordin 2007; Jamalludin & Zaidatun 2003).

Walau bagaimanapun maklumat dan kandungan yang disampaikan hendaklah disusun bersesuaian dengan tahap penerimaan dan pengetahuan pelajar. Bagi memastikan perisian kursus yang dibangunkan berkualiti dan memenuhi keperluan pelajar, penilaian formatif dilakukan semasa pembangunan perisian tersebut.

Proses penilaian formatif sangat penting bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan perisian kursus yang dibangunkan bagi memastikan proses penambahbaikan

dapat dilaksanakan (Tessmer, 1993). Penilaian yang dijalankan semasa fasa pembangunan ini adalah melibatkan beberapa orang pakar yang terdiri daripada pakar Bahasa Arab, pakar pembinaan modul dan pakar teknologi Pendidikan. Pemilihan pakar dibuat berdasarkan pengetahuan dan pengalaman serta sumbangan mereka terhadap peningkatan proses pengajaran (Tessmer, 1993). Penilaian pakar terhadap perisian kursus pembelajaran kosa kata bahasa Arab (i-KoBA) berdasarkan empat aspek, iaitu bahasa dan kandungan, reka bentuk, multimedia dan teori pembelajaran. Penilaian ini bertujuan untuk menilai, mengembangkan dan meningkatkan kesahan dan kualiti perisian kursus yang dibangunkan.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian reka bentuk dan pembangunan. Tujuan kajian ini ialah menilai perisian kursus pembelajaran kosa kata Bahasa Arab (i-KoBA) bagi murid sekolah rendah yang dibangunkan. Kajian ini bersandarkan kepada pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan Richey & Klein (2007) dan adaptasi daripada model instruksi ADDIE (Steven J. McGriff, 2000). Kajian reka bentuk ini melibatkan tiga fasa, iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan, dan fasa pelaksanaan dan penilaian.

Artikel ini hanya membincangkan penilaian pakar dalam fasa pembangunan perisian kursus sahaja. Responden yang terlibat dalam fasa ini terdiri daripada tiga kategori pakar, iaitu pakar bahasa Arab, pakar teknologi pendidikan dan juga pakar dalam pembinaan modul. Pakar bahasa dan kandungan terdiri daripada tiga orang iaitu pensyarah kanan daripada UM, pensyarah daripada UniSZA dan pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

Bagi pakar pembinaan modul pula terdiri daripada profesor madya daripada UKM, pensyarah daripada UniSZA dan pensyarah daripada IPG Kampus Dato Razali Ismail, Terengganu. Sementara itu, pakar teknologi pendidikan pula terdiri daripada profesor madya daripada UIAM, profesor madya daripada UiTM dan pensyarah daripada UniSZA. Jadual 1.1 menyenaraikan pakar yang terlibat dalam menilai perisian kursus i-KoBA.

Jadual 1.1: Senarai Pakar Penilaian Formatif

Kategori Pakar	Jawatan	Institusi	Jumlah
Pakar Bahasa Arab	Pensyarah Kanan	UM	1
	Pensyarah Kanan	UniSZA	1
	Pegawai Pendidikan	JPNT	1
Pakar Pembinaan Modul	Pensyarah Kanan	UniSZA	1
	Pensyarah Kanan	IPG	1
	Profesor Madya	UKM	1
Pakar Teknologi Pendidikan	Profesor Madya	UIAM	1
	Profesor Madya	UiTM	1
	Pensyarah Kanan	UniSZA	1

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik penilaian perisian kursus i-KoBA. Borang soal selidik dibina bagi menilai konstruk berikut, iaitu bahasa dan kandungan, reka bentuk, multimedia dan teori pembelajaran. Soal selidik yang telah lengkap dijawab oleh pakar seterusnya dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21.0 secara deskriptif. Penilaian pakar dianalisis berdasarkan dua acara, iaitu skor min dan pandangan serta cadangan penilai.

Skor dikira mengikut skala likert 5 tahap, iaitu 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju dan 5=sangat setuju. Bagi pandangan dan cadangan penilai pula, dikumpul berdasarkan tema iaitu aspek bahasa dan kandungan dan aspek teknikal. Kajian ini menggunakan interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Nunnally (1978) bagi menentukan tahap, iaitu skor min 1.00-2.00=rendah, 2.01-3.00=sederhana rendah, 3.01-4.00=sederhana tinggi dan 4.01-5.00=tinggi.

**DAPATAN KAJIAN**

Berikut adalah dapatan soal selidik penilaian pakar terhadap perisian kursus pembelajaran kosa kata bahasa Arab (i-KoBA) berdasarkan empat aspek, iaitu bahasa dan kandungan, reka bentuk, multimedia dan teori pembelajaran.

**Bahasa dan Kandungan**

Konstruk bahasa dan kandungan merupakan konstruk utama yang perlu diberi maklum balas oleh pakar bahasa dan kandungan dan pakar pembinaan modul. Terdapat 12 item yang telah disenaraikan dalam konstruk bahasa dan kandungan.

Jadual 1.2: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Bahasa dan Kandungan oleh Panel Pakar Bahasa dan Kandungan dan Pakar Pembinaan Modul (n=6)

Pernyataan	Kekerapan					Min	SP	Tahap
	STS	TS	TP	S	SS			
Terjemahan arahan dapat membantu pelajar lebih memahami kandungan.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	6 100%	5.00	.000	Tinggi
Perisian kursus ini boleh meningkatkan pembelajaran sendiri pelajar.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	6 100%	5.00	.000	Tinggi
Kandungan disusun dengan teratur dan jelas.	0 0%	0 0%	0 0%	1 16.7%	5 83.3%	4.83	.408	Tinggi
Bahan tambahan/sokongan (aktiviti, latihan, peta i-Think, nasyid & permainan bahasa) yang disediakan sesuai dengan tahap pelajar.	0 0%	0 0%	0 0%	1 16.7%	5 83.3%	4.83	.408	Tinggi
Kandungan yang disampaikan dalam bentuk video, animasi, audio dan gambar dapat membantu pelajar untuk lebih mudah memahaminya.	0 0%	0 0%	0 0%	1 16.7%	5 83.3%	4.83	.408	Tinggi
Pautan tambahan (kamus) yang disediakan memudahkan pelajar untuk mendapatkan maklumat tambahan (terjemahan makna)	0 0%	0 0%	0 0%	1 16.7%	5 83.3%	4.83	.408	Tinggi
Rangka kandungan jelas.	0 0%	0 0%	0 0%	2 33.3%	4 66.7%	4.67	.516	Tinggi
Objektif pembelajaran jelas.	0 0%	0 0%	0 0%	2 33.3%	4 66.7%	4.67	.516	Tinggi
Kosa kata yang disampaikan menepati	0 0%	0 0%	0 0%	2 33.3%	4 66.7%	4.67	.516	Tinggi

sukatan.

Kandungan yang disampaikan dalam bentuk video, animasi, audio dan gambar sesuai dengan tahap pelajar.	0 0%	0 0%	0 0%	2 33.3%	4 66.7%	4.67	.516	Tinggi
Kandungan perisian ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan.	0 0%	0 0%	0 0%	4 66.7%	2 33.3%	4.33	.516	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>						<b>4.72</b>	<b>0.215</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 1.2 menunjukkan taburan kekerapan dan skor min bagi konstruk penilaian bahasa dan kandungan oleh pakar bahasa dan kandungan dan pakar pembinaan modul yang terdiri daripada 6 orang. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor adalah pada tahap tinggi ( $M=4.72$ ,  $SP=0.215$ ). Manakala secara terperinci menunjukkan bahawa min yang paling tertinggi bagi penilaian bahasa dan kandungan prototaip perisian kursus i-KoBA mengikut penilaian pakar bahasa dan kandungan dan pakar pembinaan modul ialah item 'terjemahan arahan dapat membantu pelajar lebih memahami kandungan' ( $M=5.00$ ,  $SP=0.000$ ) dan item 'perisian kursus boleh meningkatkan pembelajaran sendiri pelajar' ( $M=5.00$ ,  $SP=0.000$ ).

Dapatan kajian menunjukkan kesemua pakar (100%) sangat bersetuju dengan item tersebut. Dapatan menunjukkan 4 daripada 12 item memperolehi skor min 4.83, dan 4 daripada 12 item memperolehi skor min 4.67. Dapatan juga menunjukkan item 'kandungan perisian ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan' ( $Min = 4.33$ ,  $SP = 0.516$ ) merupakan item yang paling rendah bagi tahap tinggi. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa bahasa dan kandungan dalam prototaip perisian kursus i-KoBA sesuai dengan tahap pelajar.

### Reka Bentuk Perisian Kursus

Selain aspek bahasa dan kandungan, reka bentuk juga turut dinilai oleh pakar bahasa dan kandungan, pakar pembinaan modul dan pakar teknologi pendidikan. Terdapat lapan (8) item yang telah disenaraikan dalam konstruk reka bentuk perisian kursus.

Jadual 1.3: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Reka Bentuk Perisian Kursus oleh Panel Pakar ( $n=9$ )

Pernyataan	Kekerapan					Min	SP	Tahap
	STS	TS	TP	S	SS			
Grafik yang digunakan mampu membantu pelajar lebih memahami kandungan.	0 0%	0 0%	0 0%	3 33.3%	6 66.7%	4.67	.500	Tinggi
Teks yang terdapat dalam perisian kursus dapat dibaca dengan jelas.	0 0%	0 0%	1 11.1%	2 22.2%	6 66.7%	4.56	.726	Tinggi
Warna yang digunakan mampu menarik perhatian.	0 0%	1 11.1%	0 0%	4 44.4%	4 44.4%	4.22	.972	Tinggi

Pelajar bebas untuk masuk dan keluar daripada perisian kursus ini pada bila-bila masa.	0 0%	1 11.1%	1 11.1%	3 33.3%	4 44.4%	4.11	1.054	Tinggi
Pelajar dapat mengawal persembahan bahan dengan baik.	0 0%	0 0%	2 22.2%	4 44.4%	3 33.3%	4.11	.782	Tinggi
Bahan ini mudah diterokai dengan adanya menu yang sistematik.	0 0%	1 11.1%	0 0%	5 55.6%	3 33.3%	4.11	.928	Tinggi
Perisian kursus ini mudah digunakan.	0 0%	1 11.1%	0 0%	5 55.6%	3 33.3%	4.11	.928	Tinggi
Arahan yang dinyatakan dalam perisian kursus adalah jelas.	0 0%	2 22.2%	0 0%	3 33.3%	4 44.4%	4.00	1.225	Sederhana Tinggi
<b>Keseluruhan</b>						<b>4.24</b>	<b>0.626</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 1.3 menunjukkan taburan kekerapan dan skor min bagi konstruk penilaian reka bentuk perisian kursus oleh pakar bahasa dan kandungan, pakar pembinaan modul dan pakar teknologi pendidikan yang terdiri daripada 9 orang. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor adalah pada tahap tinggi ( $M=4.24$ ,  $SP=0.626$ ). Manakala secara terperinci menunjukkan bahawa min yang paling tertinggi bagi penilaian reka bentuk prototaip perisian kursus i-KoBA mengikut penilaian pakar ialah item 'grafik yang digunakan mampu membantu pelajar lebih memahami kandungan' ( $M=4.67$ ,  $SP=0.500$ ).

Dapatan kajian menunjukkan kesemua pakar (100%) bersetuju dengan item tersebut. Dapatan menunjukkan 4 daripada 8 item memperoleh skor min 4.11, manakala item 'arahan yang dinyatakan dalam perisian kursus adalah jelas' ( $M=4.00$ ,  $SP=1.225$ ) merupakan item paling rendah skor min dan berada pada tahap sederhana tinggi.

### Multimedia

Konstruk multimedia juga turut dinilai dalam fasa ini. Terdapat 11 item yang telah disenaraikan dalam konstruk multimedia.

Jadual 1.4: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Penilaian Multimedia Perisian Kursus oleh Panel Pakar (n=9)

Pernyataan	Kekerapan					Min	SP	Tahap
	STS	TS	TP	S	SS			
Penggunaan audio membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan.	0 0%	0 0%	0 0%	1 11.1%	8 88.9%	4.89	.333	Tinggi
Penggunaan teks	0	0	0	1	8			

membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan.	0%	0%	0%	11.1%	88.9%	4.89	.333	Tinggi
Penggunaan video membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan.	0%	0%	0%	22.2%	77.8%	4.78	.441	Tinggi
Perkataan, animasi dan audio suara dipersembahkan serentak membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan.	0%	0%	0%	33.3%	66.7%	4.67	.500	Tinggi
Kandungan yang dipersembahkan dalam bentuk animasi menarik perhatian untuk mengikuti pembelajaran kosa kata bahasa Arab.	0%	0%	0%	33.3%	66.7%	4.67	.500	Tinggi
Kandungan yang dipersembahkan dalam bentuk video menarik perhatian untuk mengikuti pembelajaran kosa kata bahasa Arab.	0%	0%	0%	33.3%	66.7%	4.67	.500	Tinggi
Penggunaan animasi membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan.	0%	0%	0%	44.4%	55.6%	4.56	.527	Tinggi
Penggunaan animasi sesuai dengan isi kandungan.	0%	0%	0%	44.4%	55.6%	4.56	.527	Tinggi
Penggunaan gambar sesuai dengan isi kandungan.	0%	0%	0%	55.6%	44.4%	4.44	.527	Tinggi
Perkataan, gambar dan audio suara dipersembahkan serentak tidak mengganggu tumpuan pelajar.	0%	0%	0%	55.6%	44.4%	4.44	.527	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>						<b>4.66</b>	<b>.371</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 1.4 menunjukkan taburan kekerapan dan skor min bagi penilaian konstruk multimedia oleh pakar bahasa dan kandungan, pakar pembinaan modul dan pakar teknologi pendidikan yang terdiri daripada 9 orang. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor adalah pada tahap tinggi ( $M=4.66$ ,  $SP=0.371$ ). Manakala secara terperinci menunjukkan bahawa min yang paling tertinggi bagi penilaian konstruk multimedia mengikut penilaian pakar ialah item 'penggunaan audio membantu pelajar

untuk memahami kandungan' (M=4.89, SP=0.333) dan item 'penggunaan teks membantu pelajar untuk lebih memahami kandungan' (M=4.89, SP=0.333).

Dapatan kajian juga menunjukkan 3 daripada 11 item memperoleh skor min 4.67 dan 2 daripada 11 item memperoleh skor min 4.56. Manakala item 'penggunaan gambar sesuai dengan isi kandungan' (M=4.44, SP=0.527) dan item 'perkataan, gambar dan audio suara dipersembahkan serentak tidak mengganggu tumpuan pelajar' (M=4.44, SP=0.527) merupakan item paling rendah skor min dan masih lagi berada pada tahap tinggi.

### Teori Pembelajaran

Selain konstruk bahasa dan kandungan, reka bentuk dan multimedia, konstruk teori pembelajaran juga turut dinilai dalam fasa ini. Terdapat 14 item yang telah disenaraikan dalam konstruk teori pembelajaran.

Jadual 1.5: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Teori Pembelajaran Perisian Kursus oleh Pakar Bahasa dan Kandungan

Pernyataan	Kekerapan					Min	SP	Tahap
	STS	TS	TP	S	SS			
Penggunaan animasi dapat memudahkan pelajar memahami maksud kosa kata yang dipelajari.	0 0%	0 0%	0 0%	1 11.1%	8 88.9%	4.89	.333	Tinggi
Penggunaan audio visual dapat memudahkan pelajar memahami maksud kosa kata yang dipelajari.	0 0%	0 0%	0 0%	2 22.2%	7 77.8%	4.78	.441	Tinggi
Pengulangan kosa kata dalam perisian kursus ini membantu pelajar untuk mengukuhkan kosa kata yang dipelajari.	0 0%	0 0%	0 0%	2 22.2%	7 77.8%	4.78	.441	Tinggi
Aktiviti yang disediakan membantu pelajar meningkatkan kefahaman kosa kata yang dipelajari.	0 0%	0 0%	0 0%	0 0%	3 100%	4.78	.441	Tinggi
Latihan yang disediakan membantu pelajar untuk mengimbas kembali kosa kata yang dipelajari.	0 0%	0 0%	0 0%	2 22.2%	7 77.8%	4.78	.441	Tinggi
Nasyid yang disediakan membantu pelajar untuk mengingat kosa kata yang dipelajari.	0 0%	0 0%	0 0%	3 33.3%	6 66.7%	4.67	.500	Tinggi
Permainan bahasa yang disediakan membantu pelajar mengukuhkan kosa kata yang dipelajari.	0 0%	0 0%	0 0%	3 33.3%	6 66.7%	4.67	.500	Tinggi
Latihan yang disediakan membantu pelajar untuk mengukuhkan kosa kata	0 0%	0 0%	0 0%	3 33.3%	6 66.7%	4.67	.500	Tinggi

yang dipelajari.

Maklum balas segera disediakan setelah pelajar menjawab latihan dapat mengukuhkan lagi kefahaman pelajar.	0 0%	0 0%	0 0%	4 44.4%	5 55.6%	4.56	.527	Tinggi
Peta minda yang disediakan memudahkan pelajar menyimpan maklumat dan mengingat kembali kosa kata yang dipelajari.	0 0%	0 0%	0 0%	4 44.4%	5 55.6%	4.56	.527	Tinggi
Kandungan bahan dalam perisian kursus ini dapat mencapai objektif pelajaran.	0 0%	0 0%	1 11.1%	2 22.2%	6 66.7%	4.56	.726	Tinggi
Kamus yang disediakan memudahkan pelajar membuat rujukan makna bagi setiap perkataan yang terdapat dalam perisian kursus ini.	0 0%	0 0%	0 0%	4 44.4%	5 55.6%	4.56	.527	Tinggi
Peta minda yang disediakan membantu memudahkan pelajar memahami kandungan pelajaran.	0 0%	0 0%	0 0%	5 55.6%	4 44.4%	4.44	.527	Tinggi
Cara maklumat yang disusun dalam perisian kursus ini membantu mengekalkan perhatian pelajar.	0 0%	0 0%	0 0%	5 55.6%	4 44.4%	4.44	.527	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>						<b>4.65</b>	<b>.365</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 1.5 menunjukkan taburan kekerapan dan skor min bagi penilaian konstruk teori pembelajaran oleh pakar bahasa dan kandungan, pakar pembinaan modul dan pakar teknologi pendidikan yang terdiri daripada 9 orang. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa skor adalah pada tahap tinggi ( $M=4.65$ ,  $SP=0.365$ ). Manakala secara terperinci menunjukkan bahawa min yang paling tertinggi bagi penilaian konstruk teori pembelajaran mengikut penilaian pakar ialah item 'penggunaan animasi dapat memudahkan pelajar memahami maksud kosa kata yang dipelajari' ( $M=4.89$ ,  $SP=0.333$ ).

Dapatan kajian juga menunjukkan 4 daripada 14 item memperoleh skor min 4.78, 3 daripada item memperoleh skor min 4.67 dan 4 daripada 14 item memperoleh skor min 4.56. Manakala item 'peta minda yang disediakan membantu memudahkan pelajar memahami kandungan pelajaran' dan item 'cara maklumat yang disusun dalam perisian kursus ini membantu mengekalkan perhatian pelajar' merupakan item paling rendah skor min, iaitu 4.44 dan masih lagi berada pada tahap tinggi.

Selain membuat penilaian prototaip perisian kursus i-KoBA melalui soal selidik, panel pakar turut memberi komentar dan beberapa cadangan bagi tujuan menambah baik prototaip yang dibangunkan. Berdasarkan komentar tersebut, beberapa pembetulan dan

pemurnian telah dilakukan daripada aspek kesesuaian perkataan dan ayat yang digunakan, ejaan, kesilapan baris dan terjemahan. Komentor dan cadangan yang dikemukakan oleh panel pakar telah diringkaskan seperti dalam jadual 1.6.

Jadual 1.6: Komen Dan Cadangan Perisian Kursus i-KoBA Berdasarkan Saranan Panel Pakar (n=9)

Aspek	Komen / Cadangan
Bahasa dan kandungan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Fiil amar bagi غَرَى ialah غَرَى sila pastikan.</li> <li>2. Peta minda dari kategori yang sama boleh pelbagaikan kecuali dalam مواعيد الطعام.</li> <li>3. ما الذ الطعام dan مواعيد الطعام bidang yang sama. Tidak banyak sumbang dimensi berbeza dalam pembelajaran perbendaharaan kata.</li> <li>4. Tajuk di kampung kurang sesuai kerana ia lebih sesuai untuk pelajar yang tinggal di kampung dan tidak dapat dikongsi dengan pelajar Bandar. Perlu tajuk yang lebih universal yang menyeluruh agar boleh dimanfaatkan oleh semua golongan pelajar.</li> <li>5. أَنَا بَائِعٌ - أَنَا بَائِعَةٌ</li> <li>6. Kesalahan bahasa pada tajuk Buah-buahan</li> <li>7. Terdapat beberapa kesalahan ejaan Arab ( إختتر - إختتر ، تكميل الحرف - الحرف ) المحذوف</li> <li>8. Terdapat kesalahan nahu خريطة - الخريطة الذهنية</li> <li>9. Sesetengah teks Arab tidak berbaris, perlu konsisten jika perisian kursus ini untuk pelajar level asas.</li> </ol>
Teknikal	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Teks untuk lelaki seharusnya dibaca oleh lelaki.</li> <li>2. Pelbagaikan tulisan yang sesuai dengan pelajar sekolah rendah.</li> <li>3. Tiada "kata sapaan" seperti Selamat pagi, petang, malam dan lain-lain. Bagi pendapat saya ia adalah penting.</li> <li>4. Tulisan perlu dibesarkan saiz.</li> <li>5. Suara perlu lebih jelas supaya murid dapat mendengar dengan jelas sebutan huruf dalam perkataan yang diajar.</li> <li>6. هَيَّا نَتَعَلَّمْ - هَيَّا نَتَعَلَّمْ / نُمُّ - نُمُّ / صُبُّ - صُبُّ / لِّلْعَيْدِ - لِّلْعَيْدِ</li> <li>7. Dalam الجهاز الست tombol kembali ke paparan sebelum tidak berfungsi.</li> <li>8. Dalam ما أحلى الفواكه suara dalam arahan tidak sama dengan arahan bertulis.</li> <li>9. Perlu ditambah arahan pada main interface atau ikon ENTER HERE.</li> <li>10. Ruang kosong agak besar (tambah apa yang sesuai).</li> <li>11. Muzik dalam nasyid terlalu kuat dan bising kerana tujuan utama adalah pada sebutan perkataan dan gaya bahasa bukan pada muzik.</li> <li>12. Nasyid tiada durasi bagi pelajar yang ingin ulang rangkap-rangkap tertentu.</li> <li>13. Memastikan setiap paparan ada interaktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pengguna.</li> <li>14. Penggunaan warna yang sesuai untuk membezakan setiap elemen/topik dan sebagainya.</li> <li>15. Arahan atau informasi berbentuk tooltip yang memudahkan pengguna.</li> <li>16. Memasukkan aktiviti merekod suara/audio untuk pengguna mempraktikkan kandungan pembelajaran</li> <li>17. Perlu terjemahan untuk arahan bagi membantu pelajar yang lemah.</li> <li>18. Perlu panduan pengguna iaitu tentang cara mengendalikan perisian kursus supaya pelajar boleh belajar dan akses sendiri.</li> <li>19. Perlu lebih banyak ikon untuk perubahan paparan, memberhentikan aktiviti atau kembali ke menu asal. Ini tidak dapat dilakukan daripada paparan tertentu sehingga pengguna terpaksa menunggu aktiviti selesai</li> </ol>

- 
- pada sesuatu paparan.
20. Latihan-latihan dalam modul ini tidak begitu dikaitkan dengan aktiviti (Kata kerja) penguasaan kosa kata yang terdapat dalam objektif pembangunan perisian kursus, iaitu memahami makna, mengingat, menggunakannya, merujuk dan pembelajaran sendiri. Adalah lebih jelas, sekiranya perisian kursus ini dapat mengaitkan setiap latihan modul ini dengan aktiviti (Kata Kerja) penguasaan kosa kata. Contohnya latihan nasyid untuk mengingat kosa kata atau sebagainya.
  21. Perlu dipertimbangkan untuk tambah button BACK pada sub-menu latihan, ada yang tiada. Pelajar akan belajar melalui 'try and error'.
  22. Kena tambah ikon arahan DRAG AND DROP pada latihan suaikan.
  23. Pada pendapat saya, perisian kursus ini sangat menarik dan interaktif, cuma perlu ditambah baik secara umumnya dari segi komen yang telah dinyatakan. Contohnya dalam 'main interface' perlu ada info tentang silibus yang digunakan, ikon sekolah atau sekolah yang menjadi pengguna dan sebagainya. Jika tidak, pengguna akan keliru siapa sasaran pengguna perisian kursus ini.
- 

### **PERBINCANGAN**

Penilaian formatif yang dilaksanakan bertujuan menyemak kekuatan dan kelemahan perisian kursus yang dibangunkan (Tessmer, 1993). Segala kelemahan dan kekurangan dapat ditambah baik pada peringkat awal. Bahan perisian kursus i-KoBA telah dibuat pengubahsuaian dan pemurnian beberapa kali sepanjang proses penilaian ini berlaku.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menjelaskan bahawa bahasa dan kandungan, reka bentuk, multimedia dan teori pembelajaran dalam perisian kursus pembelajaran kosa kata Bahasa Arab (i-KoBA) mengikut penilaian pakar adalah berada pada tahap tinggi iaitu skor min setiap konstruk antara 4.24 - 4.72 berada pada tahap interpretasi min tinggi (4.01-5.00). Dapatan ini menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi daripada panel pakar terhadap perisian kursus pembelajaran kosa kata Bahasa Arab bagi murid sekolah rendah (i-KoBA) yang dibangunkan. Namun demikian, penambahbaikan dilakukan seperti yang disarankan oleh mereka.

Bagi aspek bahasa dan kandungan, pakar menunjukkan persetujuan yang tinggi terhadap bahasa dan kandungan. Tiada perubahan besar dilakukan kecuali pemurnian daripada aspek penggunaan perkataan dan terjemahan. Kandungan yang dimuatkan dalam perisian kursus adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bahasa Arab tahun 4. Perisian kursus i-KoBA ini banyak menggunakan perkataan asas dan penggunaannya adalah berulang bagi membantu murid membiasakan diri menggunakan perkataan tersebut. Ini bertepatan dengan pandangan Gagne (1985) yang menyatakan murid perlu mengulangi pelajaran beberapa kali untuk memahami sesuatu konsep pembelajaran.

Bagi aspek reka bentuk, pakar menunjukkan persetujuan yang tinggi terhadap reka bentuk perisian kursus i-KoBA. Proses mereka bentuk perisian kursus ini merangkumi tiga bahagian utama, iaitu reka bentuk informasi, reka bentuk interaksi dan reka bentuk persembahan sepertimana yang disarankan oleh Jamalludin & Zaidatun (2003).

Beberapa perkara telah diberi perhatian antaranya dari aspek memberi kebebasan kepada pelajar untuk masuk atau keluar pada bila-bila masa yang dikehendaki dan bebas memilih topik yang ingin mereka pelajari atau terokai. Perkara ini selaras dengan saranan Sharifah Alwiah (1981). Selain itu dari sudut saiz teks dan warna juga dititik beratkan. Rosnaini et al. (2007) mencadangkan agar saiz teks konsisten dan bersesuaian pada skrin dan warna latar belakang tidak terlalu terang serta bilangan warna pada skrin tidak melebihi tiga.

Isi kandungan dan maklumat yang ingin disampaikan dalam perisian disusun mengikut sembilan (9) peringkat pembelajaran Gagne (1985). Menurut Gagne (1985),

setiap isi kandungan pelajaran yang ingin diajar perlulah melalui setiap aras pemindahan dan penukaran maklumat yang berlaku dalam ingatan manusia secara berperingkat.

Bagi aspek multimedia, pakar menunjukkan persetujuan yang tinggi terhadap penerapan multimedia dalam perisian kursus i-KoBA. Penggunaan media yang bervariasi seperti teks, grafik, audio, video dan animasi dapat meningkatkan pemahaman pelajar, mengukuhkan ingatan dan merangsang pelbagai deria pelajar. Perkara ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Fadzli et al. (2020), Miftakhul Falah (2018), Noor Khairunnisa (2017), Sharifah Fatimah (2013) dan Jamalludin & Zaidatun (2003).

Bagi aspek teori pembelajaran, pakar menunjukkan persetujuan yang tinggi terhadap penerapan teori pembelajaran dalam perisian kursus i-KoBA. Beberapa prinsip teori pembelajaran diterapkan dalam perisian kursus ini, antaranya teori behavioris, konstruktif dan kognitif. Penerapan teori behavioris dalam perisian kursus dapat diterjemahkan melalui latihan tubi, pemberian ganjaran, pengukuhan, kata-kata rangsangan dan bimbingan yang berterusan bagi menjamin berlakunya perubahan tingkah laku yang berkesan.

Penerapan teori kognitif dalam perisian kursus dapat diterjemahkan melalui persembahan maklumat, organisasi maklumat, penstrukturan maklumat dan keterlibatan pelajar melalui aktiviti, latihan dan sebagainya. Antara penerapan teori konstruktif dalam perisian kursus ialah dengan memberi pelajar kebebasan dan ruang mengawal pembelajaran mereka. Perkara ini sangat sesuai dengan generasi alpha sekarang yang suka meneroka sesuatu tanpa paksaan.

Bagi membangunkan media pembelajaran berasaskan multimedia perlu melalui lima langkah, iaitu memilih teks yang sesuai untuk pemprosesan dalam ingatan kerja verbal, memilih imej yang sesuai untuk pemprosesan dalam ingatan kerja visual, menyusun teks yang telah dipilih dalam satu model mental verbal, menyusun imej yang telah dipilih dalam satu model mental visual, dan mengintegrasikan perwakilan maklumat berbentuk verbal dan visual sebagai satu pengetahuan baharu (Mayer, 2001). Bagi aspek teknikal, penambahbaikan dilakukan berdasarkan komen dan cadangan daripada penilai terutama pada butang dan paparan skrin.

## PENUTUP

Penggunaan ICT sebagai bahan pembelajaran berpotensi dalam mempengaruhi pembelajaran pelajar dalam dunia pendidikan abad ke-21. Perisian kursus yang dibangunkan ini dijangka dapat memenuhi keperluan murid sekolah rendah dalam pembelajaran bahasa Arab umumnya dan kosa kata khususnya.

Kajian ini juga diharap dapat membuktikan bahawa pembelajaran menerusi perisian multimedia dapat memberi keselesaan dan rangsangan kepada pelajar dalam menjalankan proses PdP. Ini kerana teknik penyampaian dengan pengintegrasian beberapa ciri seperti animasi, grafik, warna dan audio visual yang menarik akan memudahkan penyampaian pengajaran dan mudah difahami serta menyeronokkan.

## RUJUKAN

- Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohammad. 2011. *Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab Teori dan Aplikasi*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Gagne, R. 1985. *The Conditions of Learning (4th Ed.)*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. 2003. *Multimedia Dalam Pendidikan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025* (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah).
- Mat Taib Pa. 2006. *Dasar-dasar Umum Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia*. dalam Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib Pa (Pnyt.). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 1-14.
- Norhayuza Mohamad, Naimah Abdullah, Sahabudin Salleh, & Ibrahim Abdullah. 2004. *Kajian Penilaian Modul BA UiTM Peringkat Ijazah*. Shah Alam: Institut Penyelidikan,

- Pembangunan & Pengkormesialan UiTM.
- Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill
- Rosni Samah. 2009. *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. 2013. *Kaedah Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Arab*. Nilai: Penerbit USIM.
- Sharifah Alwiah Alsagoff. 1986. *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Tessmer, M. 1993. *Planning and Conducting Formative Evaluation: Improving the Quality of Education and Training*. London: Kogan Page Limited.

### Jurnal

- Ab. Halim Muhammad and Che Radiah Mezah. 2007. *Kolokasi : Aspek Penting dalam Penguasaan Bahasa Arab : Satu Kajian di Kalangan Kalangan Pelajar IPTA*. dalam *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007*, 139-148.
- Azlia Cahyani Ngalawi & Hakim Zainal. 2020. *Kajian Literatur Saiz Kosa Kata Arab di Malaysia*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1): 157-169.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. 2014. *Vocabulary Learning Strategies and Arabic Vocabulary Size Among Pre-University Students in Malaysia*. *International Education Studies*, 7(13): 219-226.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad, Azman Che Mat. 2013. *Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF*. *Gema Online Journal of Language Studies*, 13 (2): 81-97.
- Kamal Azmi Abd Rahman, Norsaleha Mohd Salleh, Ahmad Nazeer Zainal Ariffin, Hailrudin Jaafar, Muhammad Hilmee Izane & Muhammad Najib Fidaudin. 2018. *Kajian Awal Pembangunan Prototaip Courseware Subjek Tauhid Darjah Satu Di Sekolah Rendah Agama JAIS*. *MyJICT - Malaysian Journal of Information and Communication Technology*, 3(1): 13-31.
- Mayer Richard E. 2001. *Learning With Computers in Small Groups: Cognitive and Affective Outcome*. *Journal of Educational Computing Research*, 7(2): 233-243.
- Kamarulzaman Abdul Ghani & Saiful Nizam Sulaiman. 2019. *Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Guru j-QAF Sekolah Kebangsaan*. *The Online Journal of Islamic Education (O-jIE)*, 7(1): 1-14.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wazzainab Ismail, Farah Nur-Rashida Rosnan & Hanis Najwa Shahrudin. 2017. *Tahap Kemahiran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Berbantuan Mufradat dan Uslub Al-Quran*. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(2): 14-25.
- Mohd Firdaus Yahaya, Muhammad Sabri Sahrir, Mohd Shahrizal Nasir. 2013. *Pembangunan Laman Web Ez-Arabic Sebagai Alternatif Pembelajaran Maya Bahasa Arab bagi Pelajar Sekolah Rendah Malaysia*. *Jurnal Teknologi*, 61 (1): 11-18.
- Miftakhul Falah Islami. 2018. *Implementasi Media Flash Card dalam Meningkatkan Penguasaan Kosakata Bahasa Arab*. *Tajdidukasi Jurnal Penelitian dan Kajian Pendidikan*, VII (1), 113-125.
- Mohd Fadzli Ismail, Nabihah Yusof, Harun Baharudin, Nik Mohd Rahimi & Nor Syamimi Iliani Che Hassan. 2020. *Kaedah i-Aqrān Untuk Pengukuhan Pembelajaran Kosa Kata Arab*. *Jurnal AL-ANWAR*, 9(1); 23- 36.
- Nik Mohd Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza. 2014. *Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Secara Aturan Kluster Semantik dan Aturan Kluster Bebas*. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, Vol. 67 (1), 33-38.
- Norhayati Che Hat, Shaferul Hafes Sha'ari, Mohd Fauzi Abdul Hamid. 2013. *Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Animasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 63:1 (2013), 25-29.

- Rosnaini Mahmud, Mohd. Arif Ismai, Arba'at Hassan & Isham Shah Hassan. 2007. *Pembangunan Perisian Kursus Multimedia Interaktif ACAD R14: Penghasilan Lukisan Persembahan*. MEDC Vol. 1, 71-82
- Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samah, Muhammad Fauzi Jumingan, Mohd. Shahrman Abu Bakar. 2015. *Kosa Kata Penting di Peringkat STAM: Analisis Korpus dalam Buku Teks*. Sains Humanika, 5 (1), 43-49.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. 2018. *Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar di Peringkat Pengajian Tinggi: Permasalahan dan Strategi Pengajaran*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL), 8(2), 61-70.
- Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samah & Sulaiman Ismail. 2020. *Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia*. International Journal of Language Education And Applied Linguistics (Ijleal), 10 (1), 71-80.
- Zulkifli Che Kob, Abd Rauf Hassan & Che Radiah Mezah. 2016. *Penguasaan Bacaan Nyaring Bahasa Arab j-QAF dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi. 3(3), 110-134.

### Seminar & Persidangan

- Abdul Razif Zaini & Mohd Zaki Abd Rahman. 2017. *Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Kemahiran Bertutur*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 4(1): 220-228.
- Abdul Razif Zaini, Khirulnizam Abd Rahman, Muhammad Haron Husaini, Khairil Ashraf Elias, Saifulah Samsudin & Mohd Zaki Abd Rahman. 2016. *Pembelajaran Kosa Kata Arab Berbantuan Aplikasi*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD2016):1845-1859.
- Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Zanariah Noor, Muhammad Akramin Kamarulzaman, Abdul Nasir Abdul Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Mohd. Abdul Aziz Mahmud & Hasanudin Abd. Hamid. 2013. *Perlaksanaan dan Pencapaian Program j-QAF Kajian Seluruh Malaysia*. Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013. UKM: Puri Pujangga. 51-82.
- Noor Khairunnisa Binti Othman. 2017. *Aplikasi Teori Pembelajaran dalam Rekabentuk Perisian Pembelajaran*. e-Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2017.

### Tesis & Disertasi

- Abdul Razif Zaini. 2015. *Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar di Peringkat Kolej Universiti*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Harun Baharudin. 2014. *Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hasnurol Hashim. 2010. *Penguasaan Kosa Kata Arab Program j-QAF dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah*. Disertasi Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Rozman Abdullah. 2003. *Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rahim@Saleh Ramly. 2009. *Penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan menerusi program j-QAF: Satu kajian kes*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sahabudin Salleh. 2003. *Masalah Penguasaan Bahasa Arab Komunikasi di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saifuddin, Hussin. 2002. *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka*. Kuala Lumpur: Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.

- Sharifah Fatimah Wan Jamel. 2013. *Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Aishah Ashaari. 2016. *Pembinaan dan Penilaian Modul Sintaksis Asas Bahasa Arab Berlandaskan Pendekatan Konstrastif Bahasa Melayu-Bahasa Arab*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Wan Maiziatul Akmar Wan Ahmad. 2011. *Pemerolehan Dan Pencapaian Bahasa Arab Program J-Qaf Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kuala Terengganu*. Tesis Sarjana, UMT.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*